

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**
[KOTA SAMARAHAN]
TARIKH : **25.5.2016**
SOALAN :

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina sekolah khas atau khusus bagi pelajar yang menduduki STPM di setiap kawasan Parlimen kerana ini dapat membuatkan mereka bersedia sebelum masuk ke alam universiti yang sebenar justeru meningkatkan kredibiliti mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjenamaan semula Tingkatan Enam melalui inisiatif pemantapan pendidikan Tingkatan Enam di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) 2013-2025. Langkah ini bertujuan memantapkan imej, kualiti dan sistem pendidikan Tingkatan Enam sedia ada. Melalui inisiatif tersebut, Pelan Pemusatan Tingkatan Enam 2016 – 2020 telah disediakan dengan mensasarkan sebanyak 44 buah Kolej Tingkatan Enam yang akan beroperasi di seluruh negara menjelang tahun 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pemusatan Tingkatan Enam 2016 – 2020 dilaksanakan berdasarkan Mod 1, Mod 2 dan Mod 3. Mod 1 merujuk kepada institusi pendidikan khusus yang dijenamakan sebagai Kolej Tingkatan Enam. Sehingga Mei 2016, sebanyak sepuluh (10) buah Kolej Tingkatan Enam telah beroperasi di lapan buah negeri.

Mod 2 pula merujuk kepada pemusatan sekolah yang mempunyai kelas Tingkatan Enam di sekolah menengah aliran perdana dengan menempatkan murid Tingkatan

Enam di blok berasingan. Manakala bagi Mod 3, kelas Tingkatan Enam berkongsi bangunan dengan kelas pendidikan menengah aliran perdana di sesebuah sekolah.

Pelaksanaan ketiga-tiga mod tersebut adalah untuk membolehkan lebih ramai murid untuk mengikuti dan menamatkan sistem pendidikan menengah sehingga ke Tingkatan Enam. Namun begitu, pembinaan Kolej Tingkatan Enam adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan negara kerana kebanyakan perancangan tersebut melibatkan pembinaan institusi baharu yang melibatkan implikasi kewangan yang besar. Sehubungan itu, buat masa ini KPM memberi tumpuan pemusatan Tingkatan Enam berdasarkan Mod 2 dan Mod 3.

RJM63